

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 14 – 20 MAC 2018

tvS Tonton TVSelangor
selangortv.my

Utama
6 | Selangorkini 14 - 20 Mac 2018

Bekalan air enam wilayah
Beroperasi sepenuhnya



Semak semula jika terdapat aduan

Kami akan melihat semula perkara berkenaan sekiranya terdapat pengguna yang terjejas akibat bekalan air keruh terbabit

ZAIDY ABDUL TALIB
Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM - Bekalan air di enam wilayah di Petaling, Klang dan Shah Alam, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Langat sudah kembali beroperasi sepenuhnya.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dalam kenyataan berkata, tadi peratusan pemulihan kini pada tahap 100 peratus, jam 8 pagi, pada 13 Mac lalu.

Katanya, pemulihan bekalan air itu adalah selepas insiden henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) ekoran lima Paip Sistem Mampaan Udara (Surge Vessel System) pecah, baru-baru ini.

"Pihak kami mengambil segala usaha dan tindakan untuk meningkatkan tekanan serta aliran di kolam perkhidmatan serta sistem agihan bagi mempercepat proses pemulihan sepenuhnya di kawasan yang berada di lokasi tinggi juga di penghujung sistem agihan.

"Kerjasama pengguna sepanjang tempoh gangguan dan pemulihan bekalan amat diharapkan," katanya.

Terdahulu, gangguan bekalan air berlaku bermula 6 Mac lalu menyebabkan 427 kawasan terputus bekalan.

SEPANG - Kerajaan Negeri akan menyemak semula aduan dan rungutan daripada segelintir penduduk sekitar Puchong juga Shah Alam yang mendakwa masih menerima sumber bekalan air keruh.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, pihaknya akan melihat semula perkara berkenaan jika terdapat pengguna yang terjejas akibat masalah terbabit.

"Perkara ini bukan masalah besar kerana hampir keseluruhan kawasan yang terjejas bekalan air sudah kembali pulih sepenuhnya.

"Saya jangkakan keadaan ini (air keruh) mungkin hanya mengambil masa singkat dan akan kembali seperti sedia kala memandang lima paip besar yang mempunyai masalah ke injap udara memerlukan masa bagi proses pemulihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika di wilayah Petaling masih dalam proses pemulihan iaitu di Taman Bukit Kuchai, Bandar Puchong Jaya dan Subang Jaya (SS12 hingga SS19)," katanya.

Sepang, di sin, pada 12 Mac lalu.

Pada masa sama, Zaidy berkata, bekalan air di keseluruhan kawasan terjejas iaitu di Wilayah Klang/Shah Alam, Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Selangor dan Kuala Langat pulih 100 peratus.